

28 OCT 2003

PERLIS AKAN HADIAHKAN SEPANDUK TERPANJANG UNTUK DR MAHATHIR

KANGAR, 28 Okt (Bernama) -- Sehelai sepanduk sepanjang 2.5 kilometer yang mempunyai kira-kira 65,000 tanda tangan pelajar dan guru sekolah di seluruh Perlis akan dihadiahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Jumaat ini.

Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim berkata beliau sendiri akan menyerahkan sepanduk itu kepada Dr Mahathir Khamis itu, selaku Menteri Besar dan Pengerusi Portfolio Pendidikan Perlis.

Beliau turut menandatangani sepanduk itu di perkarangan pejabatnya di sini hari ini.

Ketika ditemui selepas majlis melengkapkan tandatangan itu, beliau gembira kerana kira-kira 65,000 tanda tangan dapat dipungut dalam tempoh dua minggu.

Tanda tangan itu menjadi simbolik bagi menyatakan penghargaan terhadap kepimpinan, jasa, pengorbanan dan perjuangan Dr Mahathir, katanya.

Shahidan berkata selain sepanduk yang diilhamkan oleh Jabatan Pendidikan Perlis, banyak lagi sumbangan rakyat Perlis bagi menyatakan penghargaan kepada Dr Mahathir, akan diserahkan kepada pemimpin agung itu selepas persaraannya.

-- BERNAMA

AD LAT